

## KENYATAAN AKHBAR

**Y.A.B. TAN SRI MUHYIDDIN HAJI MOHD YASSIN**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**  
**BERSEMPENA MAJLIS MINERAL NEGARA KE-7**  
**24 NOVEMBER 2009**

---

Saya baru sahaja mempengerusikan Majlis Mineral Negara (MMN) Ke-7 sebentar tadi yang dihadiri oleh Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Kabinet yang berkenaan. MMN kali Ke-7 telah membincangkan beberapa perkara dasar dan isu penting berkaitan dengan pembangunan sumber mineral negara yang mempunyai implikasi terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar, serta pengurusan dan pembangunan sumber mineral negara secara mapan.

2. Suka saya memaklumkan bahawa sebagai langkah pelaksanaan Dasar Mineral Negara 2 yang dipersetujui untuk diterima pakai semasa MMN Ke-6, mesyuarat kali ini telah berbincang dan memutuskan untuk melaksana Pelan Induk Pembangunan Mineral dan Pelan Induk Pembangunan Industri Kuari. Pelan-pelan ini telah dihasilkan melalui konsultansi dengan *stakeholders* dan *industry players*. Pelaksanaan pelan-pelan ini antara lainnya memfokus kepada meningkatkan kesedaran kepentingan industri mineral, mengamalkan amalan terbaik industri, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan berasaskan mineral, menyediakan insentif yang kompetitif bagi menjana pelaburan industri mineral. Selain itu, pelaksanaan pelan-pelan ini memberi penekanan terhadap pemuliharaan alam sekitar, menggalakkan *corporate social responsibility* terhadap masyarakat setempat di mana kawasan

lombong itu terletak dan yang paling penting ialah penglibatan Kerajaan Negeri dalam pembangunan industri mineral itu sendiri. Adalah diharap, dengan pelaksanaan kedua-dua Pelan Induk ini, industri mineral dapat terus berkembang dengan pesat serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan dan menjadi salah satu punca pendapatan utama negara.

3. Selain daripada itu, mesyuarat juga bersetuju supaya negeri-negeri menyegerakan penubuhan Kumpulan Wang Pemulihan Lombong dan Kumpulan Wang Pemulihan Bersama seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen Mineral Negeri bagi memastikan kerja-kerja pemulihan lombong dan kawasan bekas lombong dapat dijalankan dengan lebih sempurna. Kumpulan-kumpulan Wang ini adalah bertujuan untuk memastikan pihak industri lebih komited dalam penjagaan alam sekitar serta membolehkan Pihak Kerajaan Negeri mempunyai sumber kewangan untuk melaksanakan kerja pemulihan kawasan bekas lombong. Bekas-bekas lombong yang telah dipulihkan mempunyai pelbagai potensi untuk dimajukan dan menyumbang kepada kepesatan ekonomi negara contohnya pembangunan perumahan rakyat, pertanian, taman rekreasi dan kolam tebatan banjir. Justeru, adalah diharapkan pelaksanaan Kumpulan Wang Pemulihan Lombong dan Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah Enakmen Mineral Negeri dapat membantu mewujudkan persepsi yang lebih positif terhadap aktiviti perlombongan.

4. Di samping itu MMN ke-7 juga telah membincang satu kertas makluman mengenai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan

dan usaha komersial oleh Pusat Penyelidikan Mineral, Jabatan Mineral dan Geosains, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

5. Majlis telah mengambil maklum ke atas kertas makluman kedua mengenai aktiviti penyelidikan dan pembangunan mineral yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Mineral (PPM). Pusat ini merupakan tunjang utama penyelidikan mineral di negara ini. Projek-projek penyelidikan yang telah dilaksanakan termasuklah, penghasilan produk hiliran yang berasaskan sumber mineral tempatan seperti pasir silika, lempung, bahan termaju (contohnya komposit mineral) dan batuan; pemulihan tanah bekas lombong dan kuari; dan pengawalan pencemaran alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

11 November 2009